



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA***

**DI MAJLIS MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN
BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN
TAHUN 1444 HIJRAH / 2022 MASIHI**

**HARI SELASA (MALAM RABU),
3 SAFAR 1444H / 30 OGOS 2022M
(MALAM PERTAMA)**

**BERTEMPAT,
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA,
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أُمُورِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ، وَالصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ أَلْهٰهٰ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Mengadap Kehadapan Majlis
Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Beribu Ampun,

Alhamdulillah wasysyukru Lillah... Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan tahun 1444H/2022M ini dengan tema *Bertemankan Al-Qur'an Sepanjang Zaman* dapat dimulakan malam ini yang dimeriahkan oleh keberangkatan Duli Tuanku.

Maka dengan penuh takzim jua hamba Duli Tuanku dan bagi pihak Penasihat-Penasihat dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Peringkat Kebangsaan menjunjung ampun menyembahkan sembah junjung kasih atas perkenan Duli Tuanku berangkat menyerikan lagi majlis yang berkebijakan ini.

Semoga fadhilat keberkatan ayat-ayat suci al-Qur'an yang kita sekalian bertabarruk dengannya, maka abis hamba Duli Tuanku mendoakan semoga Duli Tuanku dan kerabat Duli Tuanku akan sentiasa dalam limpahan rahmat kasih sayang Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, sihat dan bahagia yang berpanjangan dengan amal ibadat serta amal kebajikan khairat yang diredhai Allah di dunia dan di akhirat.

Disembahkan bahawa seramai dua belas orang peserta akan bertanding dalam musabaqah tahun ini. Dua orang daripadanya adalah qari' dan qariah johan menunggu. Sepuluh orang lagi adalah qari' dan qari'ah peserta-peserta terbaik yang terpilih ke peringkat akhir musabaqah. Yang mana

pada malam pertama ini enam orang daripada mereka itu – tiga orang qari' dan tiga orang qari'ah akan memperdengarkan tilawah masing-masing. Semantara enam orang lagi akan tampil pada malam esok, malam kedua musabaqah.

Disembahkan juga bahawa peringkat separuh akhir musabaqah telah dilangsungkan selama empat hari pada 22 hingga 25 haribulan November 2021, tahun lepas.

Seramai lima puluh tiga (53) orang peserta terdiri daripada empat puluh orang qari' dan tiga belas orang qari'ah telah menyertainya, berbanding dengan penyertaan seramai 41 orang pada tahun sebelumnya. Ini menandakan peningkatan bilangan peserta yang layak ke peringkat separuh akhir. Dan ini juga menunjukkan peningkatan mutu bacaan menurut sukat-sukat pertandingan atau musabaqah disamping menyaksikan kemunculan qari' dan qari'ah dari kalangan belia - beliananis.

Seterusnya disembahkan bahawa Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah tahun ini telah mendatangkan seorang hafiz dan seorang hafizah masing-masing berusia 12 dan 14 tahun dari negara tetangga Republik Indonesia. Masing-masing mereka dengan keistimewaan mereka. Seorang mengidap *celebral palsy* atau lumpuh otak sejak kecil. Semantara yang seorang lagi mengalami gangguan pada penglihatan, *tuna metra* sejak lahir.

Namun kedua-dua mereka dikurniakan oleh Allah keajaiban. Dalam keadaan serba kurang upaya tenaga untuk berkemahiran secara alami itu, mereka berkemampuan menghafaz tiga puluh juzu al-Qur'an, tidak setakat hafal ayat-ayatnya bahkan hafal – ingat bilangan ayat dan letak ayat-ayat itu pada lembaran muka-muka suratnya, dan ingat di mana pada arah kanan atau kiri, atau pada sebelah atas atau sebelah bawah barisan dalam lambarannya.

Sungguh ia adalah hafalan dan ingatan yang luar biasa yang tidak dapat dikatakan bagaimana selain keajaiban yang Allah mahu tunjukkan bahawa inilah ayat-ayat al-Qur'an dengan mu'jizatnya. Inilah antara tanda-tanda keabsahan bahawa al-Qur'an itu *kalamullah* yang diwahyukan oleh Allah kepada Rasulnya nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* junjungan kita.

إِنَّ عَلَيْنَا جَمَعُهُ وَقُرْءَانَهُ، فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبَعَ قُرْءَانَهُ،

Tafsirnya: “Sesungguhnya Kamilah yang mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu) dan (menjadikan engkau pandai) membacanya. Maka apabila Kami telah selesai membacakannya, ikutlah bacaannya itu.”

(Surah al-Qiyaamah: 17-18)

Oleh itu, tepatlah kita saling menyeru dan mengingatkan diri kita masing-masing untuk bertemankan al-Qur'an sepanjang zaman, seperti selogan kata yang dipilih untuk tema musabaqah tahun ini. Demi untuk meraih fadhilat Al-Quran sebagaimana yang dijanjikan oleh Allah dengan firman-Nya:

إِنَّ الَّذِينَ يَتَلَوُنَ كَتَبَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرَّاً وَعَلَانِيَةً
يَرْجُونَ تِحْكَمَةً لَّنْ تَبُورَ ﴿٢١﴾ لِيُوَفِّيهِمْ أَجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُمْ مِّنْ فَضْلِهِ إِنَّهُ رَغُوفٌ

شَكُورٌ

Tafsirnya: “Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa (melazimkan) membaca Kitab Allah (al-Quran) dan mendirikan sembahyang serta membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka samada secara bersembuni-sembuni atau secara berterang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang sekali-kali tidak akan rugi. Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan melimpahkan lagi kurniaNya kepada mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Membalas dengan sebaik-baiknya (orang-orang yang bersyukur kepadaNya)”.

(Surah Fathir: 29-30)

Hadirin dan *hadirat* yang dihormati sekalian. Kita memuji kebesaran dan kekuasaan Allah dan mensyukuri rahmat serta ne'mat-ne'mat-Nya. Kedua-dua tetamu khas kita itu akan ditampilkan ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an tahun ini, in syaa Allah pada malam ketiga nanti.

Demikianlah disembahkan. Hamba Duli Tuanku menjunjung ampun jua sekiranya ada salah silap kata dan sebutan atau jua kejanggalan suruk langkah.

Sebelum mengakhiri sembah, hamba Duli Tuanku menjunjung perkenan untuk menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan Paduka Adinda Duli Tuanku:

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik.

Seterusnya junjung kasih atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia, Pengiran-Pengiran Cheteria;

Dan ucapan terima kasih di atas kehadiran ;

- Yang Berhormat, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
- Yang Berhormat, Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara,
- Menteri-Menteri Kabinet,
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat,
- Tetamu-Tetamu Khas,
- Timbalan-Timbalan Menteri,
- Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Dhif-Dhif yang dihormati,
- Para hadirin - hadirat yang berbahagia sekalian.

Diucapkan terima kasih tanda penghargaan kepada sekalian peringkat jawatankuasa kerja, pihak-pihak yang menyumbang serta memberikan kerjasama dan pertolongan bagi menjayakan majlis musabaqah ini.

Semoga kita sekalian beroleh berkat dan mendapat ampun serta redha Allah dunia akhirat.

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hamba Duli Tuanku Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama,
1hb Safar 1441 / 29hb Ogos 2022.